



MEDIA STATEMENT

MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514 Federal Territory of Putrajaya
Telephone : 03 - 8090 4681

ASEAN Malaysia Chairmanship 2025

Malaysia Strengthens ASEAN Statistical Cooperation as Chair of ACSS15

Malaysia Hosts the 29th Meeting of the ASEAN Community Statistical System (ACSS)
Sub-Committee on Planning and Coordination (SCPC29)

KUALA LUMPUR, 21 February 2025 – The 29th Meeting of the ACSS Sub-Committee on Planning and Coordination (SCPC29) successfully convened from 19 to 20 February 2025 in Kuala Lumpur, Malaysia. The meeting hosted by the Department of Statistics Malaysia (DOSM) and gathered representatives from ASEAN Member States (AMS) and the ASEAN Secretariat to discuss key statistical priorities and collaborative efforts to enhance data-driven decision-making across the region.

In his opening remarks, Chief Statistician Malaysia, Dr. Mohd Uzir Mahidin, emphasised Malaysia's commitment as the Chair of the 15th Session of the ASEAN Community Statistical System in 2025 (ACSS15) to strengthening regional cooperation, fostering statistical excellence and ensuring high-quality, timely, and reliable data for ASEAN's sustainable development.

"As we navigate an evolving global landscape, robust statistical capacity and collaboration are vital to ensuring ASEAN remains competitive and responsive to emerging challenges. Through the ASEAN-Help-ASEAN Framework, we are committed to advancing regional statistical capabilities, bridging capacity gaps and enhancing data governance to support ASEAN's economic, social, and political aspirations," said Dr. Mohd Uzir Mahidin.

The meeting was attended by 40 participants from AMS and Malaysian representatives from the SCPC Members as well as the ACSS Working Groups in person, along with one AMS that participated online.

SCPC29 provided a strategic platform to review progress and set action plans for ASEAN's statistical community. Discussions focused on strengthening the monitoring mechanisms for the ASEAN SDG Indicators Progress Report 2025, advancing the implementation of the ASEAN Statistics Virtual Academy to enhance statistical capacity across AMS, and establishing a framework for secure, standardized data management

through the Concept Note on Data Governance for AMS. Additionally, members worked on defining the strategic direction for ASEAN's statistical development through the ACSS Action Plan 2026-2030, with a strong emphasis on digital transformation, innovation, and regional integration. The ASEAN-Help-ASEAN Framework (AHAF) was also highlighted as a key initiative to enhance capacity-building efforts and leverage regional expertise.

As part of its chairmanship, Malaysia is driving initiatives to enhance statistical awareness and promote data governance across AMS. In conjunction with World Statistics Day 2025, in collaboration with AMS and ASEANstats, planning to have an Awareness Program on the Importance of Statistics and a Data Dissemination and Communication Program using infographics to increase public engagement.

SCPC29 reaffirmed AMS's commitment to aligning statistical initiatives with ASEAN's post-2025 vision. Malaysia will continue promoting data accessibility, interoperability, and statistical literacy, hosting key ASEAN statistical events, including ACSS15 and the ASEAN Statistical Forum. "Together, we must harness the power of data to inform policy, drive innovation, and create a resilient, inclusive, and sustainable ASEAN," added Dr. Mohd Uzir Mahidin.

In conjunction with SCPC29, DOSM hosted a Kuala Lumpur night tour, offering delegates a glimpse of Malaysia's rich cultural heritage and economic potential. This initiative reinforced Malaysia's status as a premier tourism and investment destination under the 'Malaysia Truly Asia' campaign. Malaysia's leadership in ACSS underscores its commitment to statistical excellence, capacity-building, and sustainable development, further strengthening collaboration within the ASEAN statistical community.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life".

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
21 FEBRUARY 2025**



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

Kepengerusian ASEAN Malaysia 2025

Malaysia Mengukuhkan Kerjasama Statistik ASEAN sebagai Pengerusi ACSS15

Malaysia menjadi tuan rumah Mesyuarat Ke-29 Jawatankuasa Kecil Perancangan dan Penyelarasan (SCPC29) Sistem Statistik Komuniti ASEAN (ACSS)

KUALA LUMPUR, 21 Februari 2025 – Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perancangan dan Penyelarasan ACSS Ke-29 (SCPC29) telah berjaya diadakan dari 19 hingga 20 Februari 2025 di Kuala Lumpur, Malaysia. Mesyuarat ini dianjurkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang menghimpunkan wakil daripada Negara Anggota ASEAN (AMS) dan Sekretariat ASEAN bagi membincangkan keutamaan statistik utama serta usaha kolaboratif dalam memperkukuh pembuatan keputusan berasaskan data di seluruh rantau ini.

Dalam ucapan perasmiannya, Ketua Perangkawan Malaysia, Dr. Mohd Uzir Mahidin, menegaskan komitmen Malaysia sebagai Pengerusi Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) pada tahun 2025 dalam memperkukuh kerjasama serantau, memacu kecemerlangan statistik serta memastikan penyediaan data yang berkualiti, tepat pada masanya dan boleh dipercayai bagi menyokong pembangunan mampan ASEAN.

"Dalam landskap global yang sentiasa berkembang, keupayaan statistik yang kukuh serta kerjasama serantau adalah penting bagi memastikan ASEAN kekal berdaya saing dan responsif terhadap cabaran semasa. Melalui Rangka Kerja ASEAN-Help-ASEAN, kami komited untuk meningkatkan keupayaan statistik serantau, merapatkan jurang kapasiti, dan memperkukuh tadbir urus data bagi menyokong aspirasi ekonomi, sosial, dan politik ASEAN" kata Dr. Mohd Uzir Mahidin.

Mesyuarat ini dihadiri oleh 40 peserta dari AMS serta wakil Malaysia daripada Ahli SCPC dan Kumpulan Kerja ACSS secara fizikal, bersama satu negara AMS yang menyertai secara dalam talian.

SCPC29 berfungsi sebagai platform strategik untuk menilai kemajuan serta merangka pelan tindakan bagi komuniti statistik ASEAN. Perbincangan dalam mesyuarat ini memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh mekanisme pemantauan bagi Laporan Kemajuan Petunjuk SDG ASEAN 2025, mengukuhkan pelaksanaan Akademi Statistik Maya ASEAN dalam meningkatkan kapasiti statistik di seluruh AMS, serta

membangunkan rangka kerja tadbir urus data yang sistematik dan berpandukan standard menerusi Nota Konsep mengenai Tadbir Urus Data bagi AMS. Selain itu, ahli mesyuarat turut membincangkan hala tuju strategik bagi pembangunan statistik ASEAN melalui Pelan Tindakan ACSS 2026-2030, dengan memberi penekanan kepada transformasi digital, inovasi, dan integrasi serantau. Rangka Kerja *ASEAN-Help-ASEAN* (AHAF) turut diketengahkan sebagai inisiatif utama dalam memperkukuh usaha pembangunan kapasiti serta memanfaatkan kepakaran serantau.

Sebagai sebahagian daripada kepengkerusiannya, Malaysia berperanan memacu inisiatif bagi meningkatkan kesedaran statistik dan memperkukuh tadbir urus data dalam kalangan AMS. Bersempena dengan Hari Statistik Sedunia 2025, Malaysia, bersama AMS dan ASEANstats, merancang untuk menganjurkan Program Kesedaran mengenai Kepentingan Statistik serta Program Penyebaran dan Komunikasi Data menggunakan infografik sebagai medium bagi meningkatkan penglibatan masyarakat secara lebih efektif.

SCPC29 turut mengesahkan komitmen AMS dalam menyelaraskan inisiatif statistik seiring dengan Visi ASEAN Pasca-2025. Malaysia akan terus memperkasa kebolehcapaian data, interoperabiliti serta literasi statistik di seluruh rantau, selain menganjurkan acara statistik utama ASEAN, termasuk ACSS15 dan Forum Statistik ASEAN. "Bersama-sama, kita perlu memanfaatkan kuasa data dalam menggubal dasar, memacu inovasi, serta membentuk ASEAN yang berdaya tahan, inklusif, dan mampan," tambah Dr. Mohd Uzir Mahidin.

Sebagai pelengkap kepada SCPC29, DOSM telah menganjurkan lawatan di sekitar Kuala Lumpur, memberikan delegasi peluang untuk mengenali warisan budaya serta potensi ekonomi Malaysia. Inisiatif ini mengukuhkan status Malaysia sebagai destinasi utama pelancongan dan pelaburan di bawah kempen '*Malaysia Truly Asia*'. Kepengerusian Malaysia dalam ACSS menegaskan komitmen negara terhadap kecemerlangan statistik, pembangunan kapasiti dan pembangunan mampan sekali gus memperkukuh kerjasama dalam komuniti statistik ASEAN.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi untuk memudahkan analisis pengguna dan boleh diakses melalui <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Kebangsaan (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema Hari MyStats ialah "Statistik adalah Intipati Kehidupan".

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
21 FEBRUARI 2025

MEDIA PICKUPS FOR 29TH MEETING OF THE ACSS SUB-COMMITTEE ON PLANNING AND COORDINATION (SCPC29)



Utama Nasional Laporan Khas **Ekonomi** Jenayah Dunia Sukan Hiburan

Malaysia terajui ACSS15, perkukuh kerjasama statistik ASEAN

Ekonomi - Dicipta: 22 Februari 2025 06:42 PM



Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin / Foto DOSM

KUALA LUMPUR, 22 Februari – Malaysia komited sebagai Pengerusi Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) tahun ini dalam menyokong pembangunan mampan ASEAN melalui pengukuhan keupayaan statistik dan kerjasama serantau.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata keupayaan statistik yang kukuh serta kerjasama dalam kalangan negara anggota adalah penting bagi memastikan ASEAN kekal berdaya saing dan responsif terhadap cabaran global.


“Menerusi Rangka Kerja ASEAN-Help-ASEAN, Malaysia komited untuk meningkatkan keupayaan statistik serantau, merapatkan jurang kapasiti, serta memperkukuh tadbir urus data bagi menyokong aspirasi ekonomi, sosial, dan politik ASEAN,” katanya menerusi kenyataan.

Dr. Mohd Uzir berkata demikian bersempena Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perancangan dan Penyelarasan ACSS Ke-29 (SCPC29) yang berlangsung pada 19 hingga 20 Februari 2025 di Kuala Lumpur.

Mesyuarat yang dianjurkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) itu menghimpunkan wakil daripada Negara Anggota ASEAN (AMS) dan Sekretariat ASEAN bagi membincangkan keutamaan statistik utama serta usaha kolaboratif dalam memperkukuh pembuatan keputusan berasaskan data di seluruh rantau ini.



MEDIA PICKUPS FOR 29TH MEETING OF THE ACSS SUB-COMMITTEE ON PLANNING AND COORDINATION (SCPC29)



Malaysia perkukuh kerjasama statistik ASEAN selaku pengerusi ACSS15



NURUL NABILA AHMAD HALIMY [Follow](#)

21 Februari 2025 05:51pm


Masa membaca: 2 minit



Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) diberi amanah untuk mempengerusikan dan menjadi tuan rumah bagi lima (5) mesyuarat ASEAN Community Statistical System (ACSS) tahun 2025 dengan kerjasama ASEAN Statistics Division (ASEANstats).



MEDIA PICKUPS FOR 29TH MEETING OF THE ACSS SUB-COMMITTEE ON PLANNING AND COORDINATION (SCPC29)



SHAH ALAM - Malaysia sedia memperkukuh kerjasama serantau, memacu kecemerlangan statistik serta memastikan penyediaan data berkualiti yang tepat bagi menyokong pembangunan mampan sebagai Pengerusi Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) pada 2025.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin berkata, keupayaan statistik kukuh serta kerjasama serantau penting bagi memastikan ASEAN kekal berdaya saing dan responsif terhadap cabaran semasa.



Mohd Uzir Mahidin

“Melalui kerangka kerja ASEAN-Help-ASEAN, kami akan meningkatkan keupayaan statistik serantau, merapatkan jurang kapasiti serta memperkukuh tadbir urus data bagi menyokong aspirasi ekonomi, sosial dan politik,” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.


Terdahulu, Mesyuarat Jawatankuasa Kecil Perancangan dan Penyelarasan ACSS Ke-29 (SCPC29) yang dianjurkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah diadakan dari 19 hingga 20 Februari 2025 di Kuala Lumpur.

Mesyuarat yang menghimpunkan wakil daripada Negara Anggota ASEAN (AMS) dan Sekretariat ASEAN itu membincangkan keutamaan statistik utama serta usaha kolaboratif dalam memperkukuh pembuatan keputusan berasaskan data di seluruh rantau.

Ia dihadiri 40 peserta dari AMS serta wakil Malaysia daripada Ahli SCPC dan Kumpulan Kerja ACSS secara fizikal bersama satu negara AMS yang menyertai secara dalam talian.



MEDIA PICKUPS FOR 29TH MEETING OF THE ACSS SUB-COMMITTEE ON PLANNING AND COORDINATION (SCPC29)



Mohd Uzir berkongsi, SCPC29 berfungsi sebagai platform strategik untuk menilai kemajuan serta merangka pelan tindakan bagi komuniti statistik ASEAN.

"Perbincangan dalam mesyuarat ini memberi tumpuan kepada usaha memperkukuh mekanisme pemantauan bagi Laporan Kemajuan Petunjuk SDG ASEAN 2025 serta mengukuhkan pelaksanaan Akademi Statistik Maya ASEAN dalam meningkatkan kapasiti statistik di seluruh AMS.

"Mesyuarat ini juga membahaskan pembangunan kerangka kerja tadbir urus data yang sistematik dan berpandukan standard menerusi nota konsep mengenai tadbir urus data bagi AMS," jelasnya.

Selain itu, Mohd Uzir berkata, ahli mesyuarat turut meneliti hala tuju strategik bagi pembangunan statistik ASEAN melalui Pelan Tindakan ACSS 2026-2030, dengan memberi penekanan kepada transformasi digital, inovasi, dan integrasi serantau.

"Malaysia berperanan memacu inisiatif bagi meningkatkan kesedaran statistik dan memperkukuh tadbir urus data dalam kalangan AMS.

"Bersempena dengan Hari Statistik Sedunia 2025, Malaysia bersama AMS dan ASEANstats merancang untuk menganjurkan program kesedaran mengenai kepentingan statistik serta program penyebaran dan komunikasi data menggunakan infografik sebagai medium bagi meningkatkan penglibatan masyarakat secara lebih efektif," ujar beliau.

Tambahnya, SCPC29 turut mengesahkan komitmen AMS dalam menyelaraskan inisiatif statistik seiring dengan Visi ASEAN Pasca-2025.

"Malaysia akan terus memperkasa kebolehcapaian data, literasi statistik di seluruh rantau, selain menganjurkan acara statistik utama ASEAN termasuk ACSS15 dan Forum Statistik ASEAN.

"Kita perlu bersama-sama memanfaatkan kuasa data dalam menggubal dasar, memacu inovasi, serta membentuk ASEAN yang berdaya tahan, inklusif, dan mampan," katanya.



MEDIA PICKUPS FOR 29TH MEETING OF THE ACSS SUB-COMMITTEE ON PLANNING AND COORDINATION (SCPC29)

24 FEBRUARI 2025 – BERITA WILAYAH PENUH



MALAYSIA TERAJUI ACSS15

PERKUKUH KERJASAMA STATISTIK ASEAN

BERITA WILAYAH

ATUS, SIAP 2027

• 3,577 USAHAWAN INDIA TERIMA PEMBIAYAAN PROGRAM PEN